

14 JUN 1998

BERNAMA TEMUBUAL NAJIB, PAK LAH MENJELANG PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

Menjelang Perhimpunan Agung ke-52 UMNO Jumaat ini (19 Jun), Bernama telah berkesempatan menemubual dua daripada daripada tiga Naib Presiden UMNO, iaitu Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib, bercuti daripada jawatannya).

Dalam temubual masing-masing, kedua-dua tokoh itu telah memberi pendapat mereka mengenai masa depan dan cabaran terhadap parti menjelang alaf baru di samping menganalisis perkembangan dalam parti kebelakangan ini.

Berikut ialah transkrip wawancara wartawan Bernama Zulkefli Salleh dan Nin Zairani Mohd Ali dengan Datuk Seri Najib:

TEMUBUAL BERNAMA DENGAN NAJIB

NAJIB: UMNO TETAP RELEVAN DALAM ALAF BARU

S: Ada di kalangan UMNO yang mahu supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak dipertandingkan pada pemilihan agung parti tahun depan. Apa pandangan Datuk Seri?

J: Bagi saya Perhimpunan Agung UMNO adalah merupakan badan yang tertinggi dan boleh buat apa jua keputusan. Dan soal ini terpulang kepada Perhimpunan Agung untuk menentukan.

S: Sementara kita tidak dapat memastikan bilakah peralihan kuasa pucuk pimpinan parti akan berlaku, orang melihat seperti masih terdapat kelompok-kelompok atau kem-kem dalam parti. Adakah ini sihat bagi masa depan UMNO?

J: Kalau UMNO hendak (kekal menjadi) sebuah parti yang kuat, ia mesti berdiri atas konsep perpaduan dalam erti kata kita tidak berpecah mengikut kelompok atau kem tertentu. Dan sebagai pemimpin, sifat kita mestilah sifat terbuka. Jangan hanya kita memilih bulu, menaikkan orang dalam kelompok kita sahaja. Yang pentingya, siapa yang memegang tampuk atau pucuk pimpinan UMNO mestilah menerima UMNO pada keseluruhannya dan bersifat bapa kepada UMNO dan tidak merupakan ketua kepada satu kumpulan sahaja.

S: Exco Pemuda UMNO pernah meluluskan usul supaya jawatan Ketua Pemuda dan Naib Ketua tidak dipertandingkan. Adakah langkah ini baik dalam usaha untuk ketengahkan pemimpin-pemimpin pelapis yang berkaliber bagi sayap parti itu?

J: Jika tidak silap saya, usul ini telah ditarik balik. Ini bermakna Exco Pemuda sendiri akur kepada hakikat bahawa Pemuda UMNO harus berdiri atas prinsip demokrasi. Mengikut sejarah UMNO, jawatan Ketua Pergerakan Pemuda adalah terbuka. Tetapi ini tidak semestinya ia dipertandingkan, yang pentingya jawatan itu terbuka. Dan terpulanglah kepada ahli UMNO untuk menentukan siapa yang mereka hendak sebagai ketua mereka.

Dan sama ada mereka hendak pemilihan, saya fikir ini satu cadangan sihat tetapi dengan syarat sekiranya ada pertandingan proses pertandingan itu berjalan dengan bersih. Kalau proses itu kotor, ia tidak sampai kepada

matlamat untuk mengetengahkan pemimpin yang berkaliber. Sebab biasanya pemimpin yang berkaliber tidak tahu bermain kotor.

S: Dalam pemilihan parti peringkat bahagian baru-baru ini, politik wang terus mendapat perhatian. Contohnya seorang Ketua Bahagian disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah bersabit dakwaan penggunaan wang berjumlah RM1 juta. Mengapa, pada padangan Datuk Seri gejala ini terus berlaku di sebalik banyak usaha dibuat oleh parti untuk membanterasnya?

J: Ada beberapa sebab. Yang pertamanya jawatan politik dipandang boleh mendapatkan habuan. Jadi kalau dulu tidak ada tekanan untuk merebut jawatan, malah pada masa UMNO ditubuhkan orang mengalah, orang terpaksa dipujuk rayu supaya memegang jawatan, tetapi sekarang ini orang tak payah dijemput, orang sendiri menawarkan diri.

Yang kedua faktor perubahan zaman di mana sekarang ini cerdik pandai sudah ramai dan semestinya apabila ketokohan semakin menyerlah, proses pemilihan siapa yang layak untuk ke atas, menjadi lebih sengit lagi.

Yang ketiga ialah perkembangan ekonomi negara yang begitu pesat menyebabkan materialisme sudah merupakan satu nilai yang susah dipisahkan. Berdasar kepada beberapa faktor tersebut, maka politik wang menjadi satu gejala yang tidak semudahnya ditangani atau dikikis. Tetapi keazaman politik atau "political will" pimpinan adalah jelas di mana BPR diberi kebebasan untuk menyiasat sesiapa sahaja yang boleh disabitkan kesalahan politik wang selain daripada tindakan tatatertib yang boleh diambil.

Ini bukan bererti politik wang tidak menjalar. Ianya saya ibaratkan seperti "speed trap" (perangkap laju), bila ada "speed trap" tak semestinya tak ada orang yang "speeding" tetapi yang kena tangkap itu ialah orang yang dapat dikesan, yang terlepas itu maknanya nasib dia...

Di samping itu jawatan Ketua Bahagian itu boleh membuka pintu rezeki ...jadi wakil rakyat dan dalam bidang perniagaan umpamannya. Nak hapuskan sama sekali (politik wang) adalah sukar tetapi ia mesti diperangi oleh kita. Dan sebahagian daripada usaha kita mestilah pembentukan nilai dan akal budi kita yang dengan sendirinya merupakan ketahanan menolak politik wang. Kadang-kadang tak bagi pun dia minta, tak segan silu.

S: Adakah Datuk Seri bersetuju kalau dikatakan UMNO dianggotai banyak orang yang jenis itu sedangkan mereka yang menyertai PAS terdiri daripada orang yang lebih prihatin dengan perjuangan?

J: Tidak. Yang masuk PAS, dia terkeliru dengan dakwah parti itu bahawa ia kononnya satu-satu parti politik yang memperjuangkan Islam. Hakikatnya ialah UMNO parti Islam yang terbesar. Jasa kita dari segi menegakkan syiar Islam lebih ketara lagi di negara kita. Mereka yang di dalam UMNO ini kerana parti UMNO parti berkuasa, jadi bila parti berkuasa persaingan itu lebih sengit. Bila persaingan lebih sengit semua orang hendak menang, bila nak menang segala cara itu dikira halal, asalkan menang.

S: Perlukah syarat-syarat dalam pemilihan parti diperketatkan? Misalnya seseorang itu perlu menjadi ahli sekurang-kurangnya lima tahun sebelum boleh menawarkan diri bertanding, ataupun perlu mendapat pencalonan daripada sekurang-kurangnya dua bahagian?

J: Pada prinsipnya saya bersetuju supaya diperketatkan syarat-syarat pemilihan. Ini saya lihat adalah selari dengan hasrat sebahagian besar ahli parti supaya pemilihan itu tidaklah dipermudahkan sangat sehingga terlalu banyak politiking berlaku. Kita hendak menentukan pemimpin semestinya harus ada asas-asas tertentu. Seorang pemimpin atau bakal dipilih sebagai

pemimpin harus ada syarat seperti bilangan cawangan yang mencalonkannya bagi sesuatu jawatan, dia tidak ada rekod jenayah dan sebagainya.

S: Setelah dua tahun parti Semangat 46 dibubarkan bagi membolehkan anggotanya menyertai UMNO, adakah Datuk Seri merasakan UMNO lebih kuat atau sebaliknya? Ada dakwaan sesetengah bekas pemimpin dan anggota parti itu mereka dihalang merebut jawatan pada pemilihan bahagian baru-baru ini?

J: Saya fikir kita dah selesaikan perkara ini. Yang kita hendakkan ialah supaya ada kenyataan yang spesifik, tidak merupakan retorik tetapi ada bukti-bukti tertentu. Kalau ada, kita akan ambil tindakan pastikan mereka diterima sebagai anggota UMNO. Yang dakwaan selama ini kita lihat ialah mereka yang borang keahlian mereka tidak sah atau sebab-sebab tertentu. Jadi apabila kita sudah tapis, yang kita luluskan bilangan itu dikira sah. Tetapi jika ada lagi yang tidak dapat masuk, mereka boleh memaklumkan kepada ibu pejabat UMNO.

S: Ada orang yang beranggapan bahawa dengan menyertai UMNO, peluang mereka untuk mendapatkan permit perniagaan lebih cerah. Malahan ada yang menyertai UMNO untuk mendapatkan "kemudahan" seperti rumah kos rendah?

J: Kita hendaklah menjadi ahli UMNO yang berkualiti. Kalau nawaitu kita UMNO ini sebagai alat kita, maka ini sudah bererti bahawa kita tidak memandang kepada UMNO sebagai satu institusi politik yang penting untuk masa depan orang Melayu. UMNO kepada saya bukan sembarang parti politik, ia merupakan sebuah institusi politik sebab pengaruh dan peranannya mencakupi segenap bidang di dalam negara kita dan oleh itu UMNO tidak seharusnya diperalatkan. Walau bagaimanapun tidak salah sekiranya seseorang yang memegang jawatan dalam UMNO tetapi atas kebolehan dan kemampuannya mendapat sesuatu projek ataupun sesuatu peluang perniagaan.

Ertinya kalau dia layak mendapat rumah kos rendah dan kebetulan dia Ketua Cawangan, takkan kita nak nafikan rumah kos rendah semata-mata kerana dia Ketua Cawangan UMNO. Ini tidak adil kepada dia tetapi kalau dia sudah ada rumah kos rendah dan lepas itu semata-mata kerana dia Ketua Cawangan UMNO minta lagi, itu bermakna dia menggunakan jawatannya.

S: Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi agak lantang bercakap tentang amalan nepotisme. Secara umumnya adakah Datuk Seri fikir masalah ini serius?

J: Tidak seserius seperti negara-negara lain di Asia Timur. Tetapi proses pembaharuan ini harus kita lakukan secara dalaman parti, sebab Perdana Menteri pernah sarankan supaya UMNO menjadi parti reformasi kepada budaya orang Melayu. Maknanya bila kita nak reform beliaulah sendiri berpendapat bahawa ada kekurangan juga dari segi barangkali ini sikap kita, nilai kita. Dan masalah kegawatan ekonomi ini seharusnya menambah +resilience+ (ketahanan) kita, daya juang kita dan juga nilai-nilai murni kita.

S: Datuk Seri, mengenai kejatuhan nilai mata wang kita dan tuntutan Malaysia supaya diadakan reformasi dalam perdagangan mata wang...

J: Tuntutan itu sudah mendapat +credence+ (sambutan). Sekarang ini ia bukan cuma merupakan suara pinggir sahaja tetapi banyak pihak yang sudah merasakan spekulasi yang keterlaluan itu perlu dibendung. Cuma sama ada reformasi itu boleh dilakukan dengan pantas, dengan cepat. Saya fikir proses perubahan itu akan memakan masa sebab ia menuntut kepada sokongan

dan restu daripada negara-negara kuasa besar. Dan belum jelas lagi sama ada mereka akan sokong secara rasmi. Mungkin beberapa kelompok dalam masyarakat bersetuju. Yang menjadi cabaran kepada kita ialah memulihkan ekonomi secepat mungkin. Kita tidak boleh menunggu lagi. Kalau mata wang kita semakin lemah, ini membawa kesusahan kepada rakyat. Kita mesti fokus benar-benar kepada memulihkan ekonomi.

S: Perhimpunan Agung UMNO dijadual membincangkan masalah ekonomi yang melanda negara kita sekarang. Apa harapan Datuk Seri kepada para perwakilan ketika membahaskan masalah itu kelak?

J: Saya juga kebetulan Pengerusi Jawatankuasa Usul UMNO dan saya dalam proses merangka usul yang akan dibahaskan. Kita berharap bahawa perbincangan mengenai kegawatan ekonomi ini melewati cara retorik tetapi merupakan perbincangan yang berilmiah dalam erti kata melahirkan buah fikiran yang bernas, mengenai arah tuju parti dalam menangani masalah kegawatan ekonomi, menghuraikan beberapa pendekatan dan cara bagaimana kita boleh memulihkan ekonomi negara.

Kita berharap mereka menumpukan perhatian dengan serius sebab masalah ekonomi ini serius. Kalau kita tidak memulihkan ekonomi kita, ia boleh menyebabkan kegelisahan rakyat. Kita akan kemukakan kepada kerajaan cadangan-cadangan yang baik.

S. Pada pandangan Datuk Seri bagaimanakah UMNO dapat memastikan ia tetap relevan dalam menghadapi alaf baru. Apakah bentuk perjuangan UMNO pada masa depan?

J. UMNO merupakan sebuah parti yang tidak bersandar kepada sesuatu ideologi yang ketat. Tetapi perjuangan UMNO mendasari prinsip kepentingan bangsa, agama dan tanah air. Maka dengan ini konsep perjuangan UMNO itu ruang lingkungannya amat luas dan membolehkan UMNO mendukung apa jua dasar yang pragmatik dan realistik untuk mencapai hasrat perjuangannya.

Umpamanya UMNO dalam tahun 70an menekankan pengwujudan badan-badan sebagai pelopor kepada kemasukan kaum Bumiputera dalam perniagaan. Tetapi UMNO kebelakangan ini mendukung dasar penswastaan dan mengurangi pembabitan badan-badan kerajaan dalam bidang perniagaan.

Ertinya, matlamatnya sama, tetapi pendekatannya boleh berubah dan ini pada saya menjamin bahawa UMNO akan sentiasa relevan dalam menghadapi alaf baru. Lebih-lebih lagi dengan hasrat kita untuk meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam menangani era teknologi maklumat dengan usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperkenalkan konsep Koridor Raya Multimedia.

S: Sementara UMNO boleh terus kukuh menerusi prinsip-prinsip perjuangan dan pendekatannya, di pihak rakyat pula bagaimana mereka harus melihat UMNO?

J: Saya fikir pembaharuan memang perlu dilakukan. Tetapi agenda kita yang belum lagi selesai itu tidak boleh dianggap sebagai lapuk. Misalnya pembangunan desa, memerangi kemiskinan, bidang pendidikan, ini semua merupakan isu yang masih relevan lagi, tidak ditelan zaman. Jangan kita melihat kepada bidang-bidang yang +glamour+ sahaja, tetapi kalau hendak UMNO relevan, soalnya relevan kepada siapa, soalnya ia mesti relevan kepada massa (rakyat). Sebab UMNO tetap merupakan parti yang bukan bersifat elitis tetapi satu pergerakan massa. Di sinilah letaknya kekuatan UMNO. Ia tidak tercabut daripada akar umbi masyarakat dan kalau kita hendak UMNO ini relevan, jangan fikir keseluruhan masyarakat kita merupakan masyarakat yang

maju, ada masyarakat yang maju, ada kelas pertengahan dan ada rakyat marhain yang masih lagi mengharapkan pembelaan daripada kerajaan. Pada saya mereka yang sudah kaya atau mantap kedudukan ekonominya seharusnya berdikari dan bersaing dan mereka boleh meningkatkan sumbangan mereka kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang biasanya disediakan oleh kerajaan.

Tetapi bagi golongan kelas menengah, apatah lagi kepada golongan bawahan atau berpendapatan rendah, segala usaha perlu dilakukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat tetapi mendapat pembelaan.

S: Dalam bidang pendidikan, apakah UMNO dapat memberi jaminan bahawa orang Melayu kelas bawahan atau miskin akan terus dibantu?

J: Memang kalau ke universiti umpamanya kos untuk sarjana muda di universiti tempatan umumnya dalam lingkungan RM13,000 setahun. Ini merupakan kos sebenar yang tidak termasuk kos pembangunan. Tetapi yuran yang dikenakan hanya dalam lingkungan RM1,200 sahaja. Ini bererti bahawa lebih daripada 90 peratus kos pendidikan tinggi dibiayai oleh kerajaan atau mendapat subsidi kerajaan.

Kerajaan baru-baru ini melancarkan Tabung Pendidikan Nasional di mana kita mengeluarkan pinjaman. Ini bererti tidak ada seorangpun yang berpotensi daripada golongan miskin yang tidak mampu ke universiti kerana tidak cukup wang sebab tabung ini boleh digunakan. Ini bererti kerajaan sentiasa prihatin tentang masalah golongan miskin.

-- BERNAMA

ZKS NZ sj MAI